

13/11/1997

Anwar bawa usul sokong Mahathir (HL)

Kamal Ahmad; Azizi Othman; Rudy Sham Ab Raof

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan membentangkan usul menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dalam sidang tergempar Dewan Rakyat, secepat mungkin.

Menurutnya, beliau juga akan mendapatkan mandat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) bagi membuktikan sokongan padu semua pihak dalam menghadapi percubaan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

Beliau berkata, usul menyokong kepemimpinan Dr Mahathir melalui kedua-dua sidang tergempar itu dibuat berikutan arahan Kabinet pagi tadi.

"Langkah itu bertujuan membuktikan Dr Mahathir tetap mendapat mandat dan kepercayaan rakyat, Kabinet, BN dan Dewan Rakyat," katanya dalam sidang akhbar di Kementerian Kewangan, di sini, petang ini.

Seramai 24 ahli Kongres menandatangani surat dan menghantar draf resolusi kepada Kongres AS menyatakan kesal serta membantah kenyataan Dr Mahathir berhubung pendirian dan sikap Malaysia serta kenyataannya mengenai Yahudi.

Anwar berkata, Kabinet yang membincangkan isu surat ahli Kongres itu tidak senang dengan desakan mereka supaya Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan berikutan pandangannya terhadap kaum Yahudi baru-baru ini.

"Apa yang kita kesalkan ialah cara dan nada surat yang dikirim dan draf usul yang dikemukakan (oleh ahli Kongres). Malaysia adalah negara demokratik. Rakyat memilih (pemimpin) melalui proses pilihan raya. Rakyat yang menentukan pimpinan mereka.

"Oleh itu, adalah tidak munasabah, kurang wajar, tidak tepat dan tidak demokratik bagi mana-mana ahli Kongres atau pihak luar menuntut pemimpin sebuah negara merdeka dan berdaulat meminta maaf atau meletak jawatan.

"Oleh yang demikian, kita (Kabinet) menyanggah kenyataan ini," katanya sambil memberitahu parti pembangkang juga dijangka memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir kerana soal ini membabitkan maruah dan kedaulatan sebuah negara merdeka.

Anwar berkata, Kabinet tidak mempertikaikan hak sesiapa untuk memberikan komen dan pandangan terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin negara ini.

Menurutnya, soal anti mana-mana kaum termasuk Yahudi tidak berbangkit sama sekali kerana adalah menjadi dasar kerajaan menghormati kehidupan dan budaya yang pelbagai.

"Saya ingin jelaskan di sini bahawa Malaysia adalah negara pelbagai kaum dan agama. Pendirian kita tidak berubah dan tidak berganjak untuk menghormati kehidupan dan budaya yang pelbagai.

"Ini sudah menjadi dasar kita dan diperkukuh di bawah kepemimpinan Dr Mahathir. Oleh itu, untuk menyinggung seolah-olah kita ini anti mana-mana kaum sama ada Yahudi dan lain-lain, tidak berbangkit sama sekali," katanya.

Sementara itu, pelbagai pihak menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan menentang campur tangan AS dalam urusan negara ini.

Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan (BBC) meminta kerajaan membentangkan usul percaya kepada kepemimpinan Perdana Menteri dan menentang campur tangan AS dalam urusan negara ini di Dewan Rakyat.

Presidennya, Ruhanie Ahmad, berkata usul itu perlu dibuat segera dan BBC

akan memastikan semua anggota Parlimen, termasuk wakil parti pembangkang menyokongnya.

"Kita mahu ia dibawa segera... kalau boleh dalam persidangan yang sedang berlangsung sekarang," katanya di lobi Parlimen.

Beliau berkata, tindakan ahli Kongres AS, Robert Waxler, membentangkan resolusi meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletak jawatan kerana dilapor menyatakan ada konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara, bertentangan prinsip demokrasi dan kedaulatan negara.

Pergerakan Pemuda Umno pula berikrar memberi sokongan padu dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan dalam menghadapi tekanan ahli Kongres AS.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata ahli Kongres AS tidak berhak mempertikaikan kewibawaan Dr Mahathir atau mendesak meletakkan jawatan.

Beliau meminta kerajaan mengambil tindakan sewajarnya menghentikan kegiatan negatif ahli Kongres AS.

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik menyifatkan tindakan ahli Kongres AS itu bukan saja perlu dihentikan malah harus dikutuk.

Presidennya, Datuk Dr Johari Mat, berkata persatuan menentang campur tangan negara luar terhadap kepimpinan Malaysia.

(END)